

Headline	KOS ELEKTRIK BUKAN PUNCA HARGA BARANG NAIK		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	16 Jul 2018	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	160,000
Page No	10	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	374 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,380
Frequency	Daily	PR Value	RM 19,140



# KOS ELEKTRIK BUKAN PUNCA HARGA BARANG NAIK

ADALAH tidak wajar jika industri menggunakan alasan penyelarasan surcaj kos tak berimbang (ICPT) untuk menaikkan harga barang dan perkhidmatan.

Penganalisis Ekonomi Mohd Yusof Saari berkata, apakah lagi dengan tiada cukai sehingga September depan maka tindakan industri menaikkan harga sepatutnya tidak berlaku.

"Analisis mendapati pelaras ICPT dijangka memberi kesan minimum kepada kos pengeluaran industri. Ini bersandarkan kepada data bahawa kos penggunaan elektrik oleh industri adalah rendah.

"Misalnya bagi industri pembuatan, kos penggunaan elektrik hanya menyumbang sekitar 1.5 peratus daripada keseluruhan kos bahan mentah.

"Bagi industri pembuatan makanan pula, kos penggunaan elektrik hanya menyumbang sekitar 0.8 peratus daripada keseluruhan kos bahan mentah," katanya.

Pensyarah Kanan di Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Putra Malaysia (UPM) itu bagaimanapun berkata, terdapat faktor-faktor lain selain cukai barang dan perkhidmatan (GST) dan kos elektrik yang boleh mempengaruhi pergerakan harga dalam pasaran.

"Antara faktor utama perlu ditangani secara serius adalah kejatuhan nilai ringgit yang

menyebabkan kos import bahan mentah menjadi lebih mahal. Faktor ini mempengaruhi sama ada secara langsung atau tak langsung kepada kos pengeluaran keseluruhan industri di Malaysia.

Bagi firma penjana elektrik, arang batu yang digunakan sebagai bahan utama adalah diimport.

Kejatuhan nilai ringgit

menyebabkan kos import menjadi mahal dan seterusnya meningkatkan kos pengeluaran penjanaan elektrik. Ini menyumbang kepada keputusan kerajaan membuat penyelaras ICPT," jelasnya.

Terdahulu, kerajaan melalui Suruhanjaya Tenaga (ST) memutuskan untuk melepaskan kos peningkatan 1.35 sen/kWj dalam bentuk surcaj "kos tak berimbang" kepada semua pengguna bukan domestik di Semenanjung Malaysia bagi tempoh 1 Julai sehingga 31 Disember tahun ini.

Bagi pengguna domestik dengan penggunaan elektrik tidak melebihi 300 kWj, pelaras ICPT ini dijangka tidak memberi kesan kepada mereka.

Bagaimanapun wujud gesaun untuk kerajaan mengkaji semula keputusan pelaras ICPT kerana bimbang pihak industri mengambil peluang menaikkan harga atau tidak menurunkan harga walaupun dalam tempoh cukai GST berkadar sifar.

